

# Dasar ekonomi selepas DEB

# Pembangunan untuk semua

Oleh WAN HAMIDI HAMID

**KUALA LUMPUR, Isnin —** Satu dasar ekonomi baru yang mengimbangkan pembangunan semua kaum secara adil serta membasmi kemiskinan, akan digubal dan dilaksanakan dengan lebih teliti, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan yang sudah mengenal pasti kelemahan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selama 20 tahun, yakin dapat mengatasi segala kelemahan itu.

"Walaupun ada pendapat mengatakan DEB gagal setelah genap 20 tahun pelaksanaannya, sebenarnya kejayaan DEB adalah luar biasa berbanding rancangan sosioekonomi lain yang dilaksanakan di seluruh dunia.

"DEB dirancang kerana berlaku keadaan tidak seimbang dalam kehidupan rakyat berbilang kaum di negara ini," katanya.

Dalam perutusannya sempena Tahun Baru 1991 yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia yang mengamalkan sistem tersendiri, lebih berjaya mengagihkan kekayaan antara kaum walaupun tidak sepenuhnya sebagaimana yang dirancangan.

"Yang istimewaanya ialah sewaktu kita agihkan kekayaan ini, ekonomi negara tidak terjejas bahkan tumbuh dengan pesatnya. Justeru

itu, kita harus lebih yakin dengan kemampuan diri dalam membentuk dasar dan rancangan serta melaksanakannya dengan cekap dan berjaya," katanya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kewangan negara akan terus diurus dengan cekap dan cermat supaya setiap sen mendatangkan hasil kepada seluruh rakyat negara ini.

Katanya, kerajaan juga akan terus melabur dalam infrastruktur yang diperlukan untuk proses perindustrian negara serta kemudahan awam lain.

Pihak swasta pula, menurutnya, akan diberi lebih banyak peluang untuk membangun dan menguruskan kemudahan awam.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu perlu dilakukan kerana keperluan wang negara untuk pentadbiran, infrastruktur dan kemudahan melebihi kemampuan kerajaan, sedangkan kerajaan memerlukan asas yang cukup untuk pertumbuhan negara.

"Dengan ini, wang kerajaan boleh digunakan untuk membiayai kos pentadbiran kerajaan," ujarnya.

Beliau menjelaskan, beban cukai yang dirangkakan tanpa menjejaskan pendapatan negara juga akan menambah kuasa belian orang ramai.

Menurutnya, keadaan itu lebih bermakna daripada menambah pendapatan kerana tambahan pendapatan semata-mata tidak dapat meningkatkan kuasa belian berbanding kenaikan harga barang.

Mengenai pekerja, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selagi daya pengeluaran dan tatatertib mereka dalam keadaan baik, kenaikan pendapatan tidak akan mewujudkan inflasi.

**LIHAT MUKA 2**

## Tingkat keluaran cara selamat

**DARI MUKA 1**

"Mengejar inflasi dengan menaikkan gaji adalah cara yang akan memusnahkan ekonomi. Sebaliknya, kenaikan gaji dengan meningkatkan daya pengeluaran adalah cara yang selamat. Apa maknanya gaji tinggi tetapi nilainya rendah," katanya.

Perdana Menteri juga berharap setiap rakyat membuat resolusi tahun baru untuk menjayakan Malaysia supaya tercapai hasrat dan cita-cita untuk menjadi bangsa yang lebih bahagia dan mulia.

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik,

dalam perutusan yang sama, berkata rakyat perlu mengurangkan amalan politik yang tidak sihai untuk mengekalkan kestabilan politik serta mengukuhkan perpaduan dan kesejahteraan negara.

Katanya, rakyat juga perlu menolak sentimen negatif, termasuk perkauman dan ekstrimisme, sebaliknya bekerja keras untuk mewujudkan perpaduan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik.

Beliau yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, rakyat harus meningkatkan produktiviti serta lebih peka terhadap perubahan suasana ekonomi.